

UMTSEA, tarikan baharu UMT

Belajar bidang kelautan di Kuala Lumpur



Oleh AZLEENDA SAHALUDIN

SH 22/7/2024 M/S 22

Sempena penjenamaan semula Universiti Malaysia Terengganu Jaya Holdings Sdn Bhd (UMTJ) kepada UMT Holdings, sebuah anak syarikat baharu telah diwujudkan bagi menerokai lebih banyak bidang, dikenali sebagai UMTSEA (UMT School of Educational Advancement).

Pengerusi UMT Holdings, Datuk Dr Din Adam berkata, UMTSEA merupakan sayap pendidikan swasta yang beroperasi di Petaling Jaya, Selangor.

“Kita tidak melihat kepada apa yang ditawarkan di universiti itu sendiri tetapi bagaimana jalinan rakan strategik yang diwujudkan bukan sahaja di Terengganu tetapi sekitar Lembah Klang atau peringkat antarabangsa.

“Saya yakin apabila kita dapat jalinan strategik dan kondusif seperti UMTSEA ini, maka ia boleh dijadikan sebagai tarikan baharu kepada pelajar untuk melanjutkan pendidikan di sini,” katanya pada Majlis Penjenamaan Semula UMT Holdings,



Mohamad Salmi (kiri) dan Din Adam melakukan gimik perasmian Majlis Penjenamaan Semula UMT Holding di UMTSEA, Menara CP Petaling Jaya pada Khamis.

Khamis lalu.

UMT Holdings merupakan anak syarikat milik penuh UMT yang menjalankan beberapa projek utama seperti pengurusan fasiliti di Kampus UMT Kuala Nerus, Terengganu; projek komersialisasi produk penyelidikan dan pembangunan universiti, program latihan serta perundingan, pemasangan skrin LED di Kampus UMT Kuala Nerus dan projek pemasangan solar di atas

bumbung kampus.

Pada perasmian tersebut, turut diadakan Memorandum Persefahaman di antara UMT Holdings dan MIMOS Berhad serta Huawei bagi membangunkan Pusat Data Komputer Berprestasi Tinggi Pantai Timur di kampus Bukit Kor, Marang dan Projek Kampus Bestari di kampus UMT Kuala Nerus.

Selain UMTSEA, dua lagi anak syarikat iaitu UMT Aqua menumpukan kepada

kepada projek akuakultur dan UMT Consultancy Services pula menyediakan latihan serta perundingan.

Dalam pada itu, Din berkata, matlamat utama UMT Holdings adalah untuk menjana pendapatan supaya dapat membiayai perbelanjaan operasi dan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

“Sebanyak 70 peratus pelajar kita adalah daripada B40. Melalui CSR, kita dapat bantu anak-anak nelayan yang menjadi *niche* kepada program di UMT,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Profesor Dr Mohamad Salmi Mohd Sohod berkata, ini adalah masa terbaik untuk menjelmakan UMT sebagai asas menggerakkan ekonomi biru yang menumpukan kepada sektor maritim.

“Dengan adanya UMT di Lembah Klang, kita dapat menarik anak muda dari luar negara yang mungkin belum selesai sepenuhnya untuk tinggal di Terengganu.

“Jadi tidak ada masalah untuk mempelajari tentang industri ini di sini dan kita akan menjadi pemangkin untuk industri. Bagi saya seluruh industri berkaitan laut dan pengangkutan laut semakin berkembang, cuma tidak diberi pengiktirafan,” katanya. 